


Siaran **AKHBAR**

UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100-2/1/2 Jld 2 (27) 02/08

PAMERAN STATIK DAN ASET ANGKATAN TENTERA MALAYSIA SEMPERNA ISTIADAT PERBARISAN PENGANUGERAHAN BATTLE HONOUR 'DAULAT FEB 2013'

1. Bersempena dengan Istiadat Perbarisan Penganugerahan Battle Honour 'Daulat Feb 2013' pada 11 Ogos 2017, pihak ATM juga mengadakan Pameran Statik dan Aset di perkarangan Padang Merdeka yang akan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Pameran Statik dan Aset ATM ini dibuka kepada orang ramai.
2. Aset-aset ATM seperti kenderaan berperisai dan persenjataan yang digunakan semasa berlakunya konflik pencerobohan Lahad Datu. Pengunjung yang hadir berpeluang merasai pengalaman baru untuk melihat dengan lebih dekat aset-aset tersebut.
3. Ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM (Tentera Darat (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)) turut terlibat mengadakan pameran perkhidmatan masing-masing. Orang ramai berpeluang melihat dan memahami dengan lebih jelas peranan elemen-elemen dalam ATM yang terbahagi kepada elemen tempur, elemen bantuan tempur dan elemen bantuan perkhidmatan. Peranan setiap elemen ini amat penting dalam menjayakan setiap operasi yang dijalankan.


LT COL SALAWATI BINTI YAHAYA
Ketua Parhubungan Awam
Unit Komunikasi Strategik
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

4. Selain pameran aset-aset, Pameran Kerjaya juga turut diadakan bagi menarik minat dan membuka peluang kepada rakyat di negeri Sabah terutamanya di Kota Kinabalu yang berminat untuk menyertai ATM dan menjadikan sebagai kerjaya pilihan. Di booth pameran kerjaya setiap perkhidmatan (Darat, Laut dan Udara) orang ramai boleh mendapatkan semua maklumat yang diperlukan untuk menjadi seorang anggota ATM.
5. Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan dan Pergigian secara PERCUMA juga disediakan. Malah, Field Hospital (Hospital Medan) juga didirikan disini bagi memberi peluang orang ramai melihat sendiri bagaimana anggota Kor Kesihatan Diraja (KKD) menjalankan operasi merawat anggota di medan/ kawasan operasi.
6. Selain pameran, turut diadakan persembahan ATM di Padang Merdeka bermula jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang. Persembahan terdiri daripada persembahan Band D'Bampflyde, persembahan Gelombang Biru (TLDM), persembahan dari Pancaragam Pusat Rejimen Renjer Diraja, persembahan Kawad Senyap TLDM dan persembahan dari Pancaragam Pusat TUDM. Persembahan Band D'Bampflyde dan Badan Kesenian ATM pula akan bersambung pada sebelah malam setelah selesai Istiadat Perbarisan Penganugerahan Battle Honour Daulat Feb 2013.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Mej Salamah binti Jakaria TUDM di talian 019-3723901 atau Kapt Muhammad Affi Azham bin Mohd di talian 019-2513657.

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**Unit Komunikasi Strategik
Kementerian Pertahanan Malaysia
11 OGOS 2017**